

## UNSUR-UNSUR KEISLAMAN PADA MERIAM TRADISIONAL MELAYU

*(ISLAMIC ELEMENTS ON TRADITIONAL MALAY CANNONS)*

Mohd Hasanuddin Mohd Yusof, Zuliskandar Ramli & Mohd Samsudin

### Abstrak

---

Islam tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan masyarakat Melayu memandangkan agama yang suci ini menjadi pegangan utama majoriti masyarakat di alam Melayu. Justeru, orang Melayu telah menzahirkan unsur keislaman pada hiasan dan motif meriam yang telah mereka hasilkan. Maka kajian ini dilakukan meneliti dan menganalisis unsur keislaman yang terdapat pada meriam tradisional Melayu. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan melakukan pemerhatian di lapangan. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa antara unsur Islam yang terdapat pada meriam tradisional Melayu ialah kalimah tauhid, doa dan pujian pada Allah, seruan jihad, penanggalan kalendar Islam, pedang Zul Fiqar dan wafaq. Bahkan, unsur keislaman yang dipaparkan pada meriam tradisional Melayu turut menjadi salah satu ciri khas meriam tradisional Melayu.

---

**Kata kunci:** Islam, meriam, tradisional, Melayu

### Abstract

---

*Islam is inseparable in the life of the Malay community since it has become the major religion of the Malay World. This is evident by the use of Islamic decorative elements and motifs on the cannons which they produced. Therefore, this research was conducted to examine and analyze the Islamic element on the traditional Malay cannons. The qualitative method was adopted for this study by conducting observations on several cannons in the fields. Based on the analysis, several Islamic elements were found on the traditional Malay cannons, such as the proclamation of tauhid, invocations and praises to Allah, the call of jihad, the Islamic calendar dating, the Zul Fiqar sword and talisman (wafaq). As a matter of fact, these Islamic elements defines the special characteristics of the traditional Malay cannons.*

---

**Keywords:** Islam, cannon, traditional, Malay

## PENGENALAN

Kedatangan Islam ke alam Melayu banyak memberi kesan dan pengaruh terhadap kehidupan sosial dan kebudayaan masyarakat di alam Melayu. Dengan itu, banyak benda kebudayaan memiliki hiasan dan nilai yang berasaskan Islam termasuk meriam tradisional Melayu. Selepas tertubuhnya kerajaan awal Islam di alam Melayu antara penubuhan kerajaan Islam Perlak pada abad ke-9 Masihi, kerajaan Islam Kedah pada abad ke-12 dan kerajaan Islam Samudera Pasai pada abad ke-13, penyebaran agama Islam di alam Melayu tersebar dengan lebih meluas. Hasilnya, menjelang abad ke-17, majoriti penduduk di alam Melayu adalah beragama Islam

(Muhammad Zafar 1995). Oleh yang demikian, unsur keislaman tidak dapat dipisahkan daripada adat dan kebudayaan masyarakat Melayu.

Dengan itu, masyarakat di alam Melayu turut menzahirkan unsur keislaman pada meriam yang telah mereka hasilkan. Tambahan pula, penggunaan meriam sangat berhubung rapat dengan unsur keyakinan dalam Islam iaitu jihad di mana fungsi utama meriam adalah sebagai senjata api dalam perang jihad atau perang membela agama Islam dan tanah air terutama perang terhadap penjajahan. Selain daripada fungsinya sebagai senjata api dalam perang, meriam turut berperanan penting bagi aktiviti ibadah seperti pengumuman pembukaan puasa dan perayaan penting umat Islam. Sebagai contoh, terdapat satu laporan Belanda pada tahun 1602 yang mencatatkan bahawa meriam besar di Pattani telah diletuskan bagi mengisytiharkan permulaan dan akhir bulan puasa dan kedatangan hari-hari penting dalam kalendar Islam (Barbara 2011). Oleh yang demikian, para pembuat meriam di alam Melayu telah menzahirkan unsur keislaman seperti kalimah tauhid, doa, pujian ke atas Allah dan Rasul, seruan jihad dan sebagainya pada meriam yang telah dihasilkan.

### KALIMAH TAUHID

Kalimah tauhid bermakna ayat yang menggambarkan prinsip tauhid atau monoteisme Islam yang terumus dalam untaian kata-kata *'La Ilaha Ilallah'* yang membawa maksud 'Tiada tuhan melainkan Allah' (Roni 2014). Secara ringkasnya, kalimah tauhid ialah kalimah yang menunjukkan keesaan Allah. Penzahiran kalimah tauhid dalam seni budaya umat Islam khususnya di alam Melayu merupakan manifestasi kepada kepercayaan terhadap rukun Islam yang pertama iaitu mengucap dua kalimah syahadah dan rukun Iman yang pertama iaitu beriman kepada Allah.

Sehubungan itu, penzahiran kalimah tauhid dalam seni ukiran Melayu merupakan sesuatu amalan yang penting sehinggakan ukiran kalimah tauhid banyak dipaparkan pada objek kebudayaan masyarakat Melayu seperti masjid, rumah tradisional dan batu nisan. Idris (2012) menyatakan bahawa seni ukiran Islam termasuk kalimah tauhid dapat dilihat dengan jelas pada benda kebudayaan Melayu seperti rumah, masjid dan lain-lain institusi yang mempunyai hubungan dengan agama dan adat budaya setempat. Justeru, kalimah tauhid turut diukir pada meriam. Antara meriam yang ditemui memiliki ukiran kalimah tauhid ialah dua pucuk meriam yang terdapat di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam, Selangor. Pada kedua-dua pucuk meriam tersebut tercatat kalimat seperti berikut:

قال له لا إله إلا الله


Maksudnya:

Telah berkata padanya, tiada tuhan melainkan Allah



Gambar 1. Ukiran kalimah tauhid pada meriam pertama yang tersimpan di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam

*Sumber:* Muzium Sultan Alam Shah



Rajah 1. Lakaran semula ukiran kalimah tauhid pada meriam pertama  
*Sumber: Muzium Sultan Alam Shah*



Gambar 2. Ukiran kalimah tauhid pada meriam kedua yang tersimpan di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam  
*Sumber: Muzium Sultan Alam Shah*

## DOA DAN PUJIAN PADA ALLAH

Di samping kalimah tauhid, doa turut diukir pada meriam tradisional Melayu. Petikan doa dan puji-pujian kepada Allah ini menggambarkan pergantungan pembuat atau pemilik meriam pada Allah. Antara contoh doa dan puji-pujian kepada Allah yang diukir pada meriam tradisional Melayu ialah motif yang terdapat pada meriam Sultan Sulaiman Shah dari kerajaan Senggora. Penelitian terhadap syair yang tertera pada meriam Sultan Sulaiman Shah sebelum ini telah dilakukan oleh Blagden (1941). Pada meriam tersebut terukir petikan doa dan puji-pujian kepada Allah yang dibuat dalam bentuk syair seperti berikut:

يا ذا الواء و العلم  
يا ذا الجود و النعم  
يا ذا الفضل و الكرم  
يا ذا البعث و النقم

Maksudnya:

Wahai Allah yang memiliki angkatan tentera dan bendera  
Wahai Allah yang memiliki kebaikan dan nikmat  
Wahai Allah yang memiliki kelebihan dan kemuliaan  
Wahai Allah yang memiliki hari kiamat dan pembalasan



Gambar 3. Rangkap syair pada meriam Sultan Sulaiman Shah yang mengandung petikan puji-pujian kepada Allah

*Sumber:* Koleksi penulis

يا من الغفور و الغفار  
يا من الشكور و الستار  
واحشرنا مع الابرار  
سبحان الله الله أكبر

Maksudnya:

Wahai Yang Maha Pengampun dan Maha Pengampun  
Wahai Yang Maha Mensyukuri dan Maha Menutup Kebaiban  
Kumpulkan kami bersama orang-orang yang suka membuat kebajikan  
Maha Suci Allah, Allah Maha Besar



Gambar 4. Rangkap syair pada meriam Sultan Sulaiman Shah yang mengandung petikan doa

*Sumber:* Koleksi penulis

## SERUAN JIHAD

Pembuatan meriam di alam Melayu tidak dapat dipisahkan daripada gerakan membebaskan tanah air daripada cengkaman penjajah yang dianggap sebagai gerakan jihad. Sebagai contoh, Manguin (2012) menyatakan bahawa orang Jawa adalah pembuat meriam yang cemerlang di mana mereka telah menggunakan meriam yang dihasilkan bagi tujuan mengusir penjajah Portugis dari alam Melayu. Maka pada tahun 1513, angkatan laut Jawa (Demak) yang diketuai oleh Pati Unus telah membawa banyak meriam yang dibuat dan ditempa di Jawa lalu mereka belayar ke Melaka untuk berperang menentang Portugis.

Justeru, seruan jihad dilakarkan pada meriam tradisional Melayu yang digunakan sebagai senjata utama dalam perang jihad. Tujuan seruan jihad ini dilakarkan pada meriam adalah untuk membangkitkan semangat para tentera supaya berjuang bersungguh-sungguh demi kerana Allah Taala. Antara meriam tradisional Melayu yang diukirkan dengan seruan jihad ialah meriam Sultan Sulaiman Shah dari Senggora dan meriam Datuk Maharaja Lela dari Perak. Petikan seruan jihad pada meriam Sultan Sulaiman Shah adalah seperti berikut:

مریم دفریوة اداله سده  
مغوجف شکور کحضرة الله  
جديکن تند منغلکن منه  
اکن ممبونه کافر علیه اللعنة

Transliterasi:

Meriam diperbuat adalah sudah  
Mengucap syukur ke Hadrat Allah  
Jadikan tanda meninggalkan manah (pusaka)  
Akan membunuh kafir alaihi la'nah (yang dilaknat)

ايغت ۲ اغكو هي انق داتغ  
كتانه جوک کيت اکن قولغ  
تنتوت اولهم غازي برقارغ  
جنج توهن کجنت داتغ

Transliterasi:

Ingat-ingat engkau hai anak dagang  
Ke tanah juga kita akan pulang  
Tuntut olehmu ghazi berperang  
Janji Tuhan ke jannah datang



Gambar 5. Rangkap syair pada meriam Sultan Sulaiman Shah yang mengandungi seruan jihad  
Sumber: Koleksi penulis

Manakala seruan jihad yang dilakarkan pada meriam kepunyaan pahlawan Negeri Perak iaitu Datuk Maharaja Lela pula adalah seperti berikut:

هاري جمعة سودهش بولن محرم ۲۱ تنتغله کافر لعنة الله

Transliterasi:

Hari Jumaat sudahnya bulan Muharam 21 tentanglah kafir laknatullah.



Gambar 6. Lakaran seruan jihad di bahagian bawah rentaka Datuk Maharaja Lela di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam

*Sumber:* Muzium Sultan Alam Shah

### PENANGGALAN KALENDAR HIJRAH

Salah satu ciri-ciri keislaman yang dipaparkan pada meriam tradisional Melayu ialah penanggalan tarikh berasaskan kalendar Hijrah iaitu kalendar Islam. Terdapat banyak meriam tradisional Melayu yang diukir atau dilakarkan di atasnya tarikh Islam iaitu haribulan, bulan dan tahun yang berasaskan kalendar Hijrah. Kebiasaannya tarikh Islam yang dilakarkan pada meriam menunjukkan tarikh meriam itu dihasilkan, disiapkan, dimiliki atau dibeli. Antara meriam yang tertera tarikh Islam yang lengkap iaitu mengandungi hari, haribulan, bulan dan tahun ialah rentaka milik Datuk Maharaja Lela Negeri Perak. Pada bahagian atas meriam tersebut tertera tahun Islam iaitu 1297 H.

Manakala pada bahagian bawah meriam tersebut tertera hari iaitu Jumaat, haribulan iaitu 21 haribulan dan bulan iaitu Muharam. Ayat “Hari Jumaat sudahnya bulan Muharam 21” jelas sekali membawa maksud bahawa tarikh meriam tersebut siap dibuat ialah pada hari Jumaat, 21 Muharam tahun 1297. Di samping itu, terdapat juga meriam Melayu yang tertera padanya tarikh pembelian meriam seperti sepucuk meriam Kedah yang tertera ayat “*Balad (negeri) al-Kedah. Lela ini dibeli pada Sayyid Abdul Rahman dijadikan senjata kenaikan. Disurat pada Sanah (tahun) 1232 (H) (bersamaan 1817 M) tahun 20 jim mim (?) Darul alAman* (Hasanuddin Yusof et al. 2019)



Gambar 7. Inskripsi Jawi di bahagian atas rentaka Datuk Maharaja Lela yang tertera tahun 1297 H

*Sumber:* Muzium Sultan Alam Shah



Gambar 8. Inskripsi Jawi di bahagian bawah rentaka Datuk Maharaja Lela yang tertera perkataan hari Jumaat, 21 Muharam

*Sumber:* Muzium Sultan Alam Shah

### PEDANG ZUL FIQAR

Zul Fiqar (الْفِقَار ذُو) merupakan nama salah satu dari pedang milik Rasulullah SAW. Pedang ini diperoleh dari harta rampasan perang semasa berlakunya Perang Badar pada tahun 2 Hijrah. Pedang Zul Fiqar ini bermata dua dan ia begitu masyhur sehingga wujudnya kalimah Arab yang berbunyi, “La Saif illa Zul Fiqar.” Penggunaan motif pedang Zul Fiqar ini melambangkan kepahlawanan dan kekuatan dalam jihad fi sabilillah dan ia juga menjadi lambang kecintaan kepada baginda Rasulullah SAW (Mohd Zahamri 2011). Lakaran atau lukisan pedang Zul Fiqar ini sangat masyhur digunakan di alam Melayu terutama pada bendera rasmi kerajaan dan panji perang. Sebagai contoh, bendera Kesultanan Cirebon, bendera Kesultanan Aceh, panji perang Kerajaan Johor-Riau dan panji perang Kerajaan Selangor. Di samping itu, motif pedang Zul Fiqar turut diukir atau dilakarkan pada senjata Melayu termasuk meriam. Terdapat banyak meriam tradisional Melayu yang berukiran pedang Zul Fiqar. Antaranya ialah lela yang terdapat di Muzium Alam Shah, Shah Alam dan Muzium Negara, Kuala Lumpur.



Gambar 9. Ukiran pedang Zul Fiqar di bahagian atas sepucuk lela yang tersimpan di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam

*Sumber:* Muzium Sultan Alam Shah



Gambar 10: Ukiran pedang Zul Fiqar di bahagian atas sepucuk lela yang tersimpan di Muzium Negara, Kuala Lumpur  
*Sumber:* Muzium Negara

## WAFaq

Wafaq merujuk kepada simbol sama ada dalam bentuk huruf, nombor atau rajah. Simbol ini mengandungi maksud tersirat di mana ia memberi makna sesuatu ayat Al-Qur'an, kalimah tauhid atau doa. Imam Ibnu Hajar al-Haitami (wafat tahun 974 H/ 1566 M) menukilkkan dalam fatwanya bahawa *"Ilmu wafaq itu berdasarkan kepada penyesuaian bilangan yang dibuat dalam bentuk yang khusus. Misalnya seperti bentuk sembilan kotak yang mana hitungan dari setiap sudutnya berjumlah lima belas. Ilmu wafaq ini bermanfaat untuk tercapainya berbagai hajat, melepaskan dari tawanan (penjara) dan mempermudah proses melahirkan anak, dan maksud yang serupa."* (Muhammad Abdul Salam 1971).

Amalan penggunaan wafaq dalam dunia Islam termasuk di alam Melayu sangat meluas suatu ketika dahulu terutama digunakan dalam peperangan. Berbeza dengan tangkal dan azimat, wafaq merupakan salah satu cabang ilmu hisab dalam Islam di mana ianya dibuat dalam rumus Aljabar yang menggambarkan satu bentuk doa atau motivasi diri oleh pembuat atau pemakai wafaq bagi mencapai sesuatu maksud, bukannya sejenis pedinding seperti tangkal (Herdi & Maisyarah 2020).

Wafaq kebiasaannya dilakarkan pada baju perang dan senjata. Dengan pelakaran wafaq, seseorang yang terlibat dalam peperangan mengharapkan akan dikurniakan kemenangan oleh Allah (Yusmilayati Yunos et al. 2016). Di Muzium Alam Shah, terdapat sepucuk meriam tradisional Melayu yang mengandungi wafaq iaitu lakaran sembilan kotak yang mengandungi nombor di mana percampuran nombor dari setiap sudut menegak dan melintang berjumlah tujuh belas.



Gambar 11. Wafaq yang tertera pada sepucuk lela yang tersimpan di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam  
*Sumber:* Muzium Sultan Alam Shah

|    |    |    |
|----|----|----|
| ۱۱ | ۴  | ۲  |
| ۵  | ۲  | ۱۰ |
| ۱  | ۱۱ | ۵  |

Rajah 2. Lakaran semula rajah wafaq pada sepucuk lela yang tersimpan di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam


Manakala sepucuk lagi meriam yang mengandungi lakaran wafaq ialah meriam tradisional Melayu yang terdapat di dalam Istana Siak, Riau. Meriam tersebut dilakarkan dengan wafaq yang membawa maksud kalimah tauhid. Lakaran lingkaran dan kotak itu berasal dari huruf لا dan لا. Manakala di dalam serta di samping lakaran tersebut terkandung perkataan الله dan الله. Oleh itu, wafaq tersebut mengandungi perkataan:

لا اله الا الله

Maksud: Tiada tuhan yang layak disembah melainkan Allah.



Gambar 12. Wafaq yang terdapat pada sepucuk lela yang tersimpan di Istana Siak, Riau  
Sumber: Koleksi penulis



Rajah 3. Lakaran semula rajah wafaq pada sepucuk lela yang tersimpan di Istana Siak, Riau

## KESIMPULAN

Terdapat banyak unsur Islam yang ketara pada meriam tradisional Melayu di mana ia membuktikan bahawa unsur Islam telah larut dan menyatu dengan budaya masyarakat Melayu. Unsur Islam ini juga menjadi ciri khas bagi meriam tradisional Melayu yang dapat membezakannya dengan meriam-buatan Eropah. Di samping itu, penggunaan amalan dalam Islam yang dizahirkan pada meriam tradisional Melayu seperti doa dan seruan jihad membuktikan pentingnya agama bagi pejuang Melayu ketika mereka berperang menentang musuh mereka di mana mereka meletakkan agama sebagai kepentingan dan matlamat utama mereka dalam berperang.

## RUJUKAN

- Barbara Watson Andaya. 2011. Distant Drums and Thunderous Cannon: Sounding Authority in Traditional Malay Society. *International Journal of Asia Pacific Studies (IJAPS)* 7(2): 17-33.
- Blagden. 1941. A XVIIth Century Malay Cannon in London. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)* 19(1): 122-124.
- Hasanuddin Yusof, Zuliskandar Ramli & Muhammad Shafiq Mohd Ali. 2019. Meriam-Meriam Kedah di Wat Phra Mahathat Woramahawihan, Nakhon Si Thammarat. *Jurnal Arkeologi Malaysia September* 32(2): 59-75.
- Herd Maulana dan Maisyarah Rahmi. 2020. Penggunaan Rajah dan Wafaq Sebagai Azimat Pelaris Dagangan dalam Perspektif Hukum Islam (Studi Kasus Pasar Berkat di Loa Janan Ilir). *QONNUN- Jurnal Hukum Islam dan Perundang-Undangan* 1(1): 1-12.
- Idris Zakaria. 2012. Islam dan Falsafahnya dalam Kebudayaan Melayu. *Jurnal Hadhari Edisi Khas*: 91-108.
- Manguin, Pierre Yves. 2012. Lancaran, Ghurab and Ghali: Mediterranean Impact on War Vessels in Early Modern Southeast Asia. Dlm Geoff Wade & Li Tana (penyt). *Anthony Reid and The Study of The Southeast Asian Past*, hlm. 146-182. Singapura: Institute of Southeast Asian Studies.
- Mohd Zhamri bin Nizar. 2011. Ikonografi Zulfikar dalam Sejarah Hubungan Turki dan Nusantara. *SUHUF - Jurnal Pengkajian Al-Qur'an dan Budaya* 4(1): 111-141.
- Muhammad Abdul Salam Syahin (penyt.). 1971. *Al-Fatami Al-Haditsiyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyah.
- Muhammad Zafar Iqbal. 1995. Kedatangan dan Perkembangan Islam di Indonesia. *Buletin al-Turas* 1(2): 10-16.
- Roni Ismail. 2014. Hakikat Monoteisme Islam (Kajian Atas Konsep Tauhid "La Ilaha Ilallah"). *Jurnal Religi* 10(2): 172-183.
- Yusmilayati Yunos, Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff, Muammar Ghadaffi Hanafiah & Mohd Norizam Jamian. 2016. Kepandaian Orang Melayu dalam Mentafsir Ruang Perubatan Tradisional. *Geografia- Malaysia Journal of Society and Space* 12(11): 79-91.

Mohd Hasanuddin bin Mohd Yusof  
Calon Doktor Falsafah  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor, Malaysia  
Email: mohdhasanuddin82@gmail.com

Zuliskandar bin Ramli, (Ph.D)  
Felo Penyelidik Kanan,  
Institut Alam dan Tamadun Melayu  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 UKM Bangi  
Selangor, Malaysia  
Email: ziskandar@ukm.edu.my

Mohd Bin Samsudin, (Ph.D)  
Pensyarah Kanan  
Program Sejarah  
Pusat Kajian Sejarah, Politik & Hubungan Antarabangsa  
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: moss@ukm.edu.my

Diserahkan: 3 Mei 2021  
Diterima: 17 Jun 2021  
Diterbitkan: 30 Jun 2021